


# NewspaperSG



We will be conducting system maintenance from 21 Feb, 10pm to 22 Feb, 9am. Patrons will not be able to use NLB's digital services during this period.

## Persisi rancang persembahan silat selama 2,000 minit

Berita Harian, 1 August 2000, Page 15

 Article also available on Microfilm Reel NL21999

Printer-Friendly Page

# Persisi rancang persembahan silat selama 2,000 minit

Majlis Sukan Singapura (SSC) telah meminta Persekutuan Silat Singapura (Persisi) dan Persekutuan Sepak Takraw Singapura (Perses) masing-masing mengumpulkan sejumlah minimum \$750,000 untuk projek pembinaan rumah baru yang dianggarkan menelan belanja \$2.5 juta (tidak termasuk kos harga tanah). **Yusoff A. Rahman** mendapatkan pegawai kedua-dua badan induk itu untuk menerangkan projek pengumpulan dana masing-masing.

**MATLAMATNYA** ialah mengumpulkan \$1.5 juta dalam masa dua hari.

Untuk menjayakan projek itu, satu persembahan silat selama 2,000 minit akan diadakan di Taman Belia Nasional.

 Scroll to Top

di Orchard Road, pada 14 dan 15 Oktober ini.

Itulah antara projek yang akan dianjurkan oleh Persekutuan Silat Singapura (Persisi) sebagai sebahagian daripada usaha mengumpul dana untuk projek pembinaan rumah barunya di Bedok.

Pengarah Teknikal Persisi, Sheik Alauddin Yaacob, yang ditugaskan untuk mengendalikan projek tersebut, memberitahu:

“Sebenarnya, kami mempunyai beberapa projek yang telah dan akan dilaksanakan.

“Bagaimanapun, projek Oktober ini adalah yang terbesar dan kami berharap dapat mengumpulkan dana seberapa banyak yang mungkin.”

Menurutnya, projek itu, yang dinamakan *Persembahan Silat 2,000 minit Alaf Baru*, diharapkan dapat mengumpulkan \$1.5 juta.

“Kami akan menulis surat kepada 3,000 syarikat untuk menaja \$500 untuk setiap minit persembahan pada hari tersebut,” jelas Sheik.

“Jika setiap 3,000 syarikat sedia menaja minimum \$500

untuk setiap minit persembahan, maka kami boleh mendapatkan \$1.5 juta.

“Tetapi saya tidak fikir semua 3,000 syarikat akan tampil membantu kami.

“Sekiranya kami dapat setengah daripada bilangan itu yang tampil mahu membantu kami, maka Persisi telahpun mendapat jumlah yang diperlukan iaitu \$750,000 untuk projek pembangunan rumah barunya di Bedok nanti,” Sheik menambahkan.

Persisi harus mengumpulkan \$300,000 sebelum Disember dan bakinya \$450,000 sebelum Jun tahun depan.

Sheik menyatakan untuk menjayakan projek itu, Persisi memerlukan bantuan dan kerjasama setiap perguruan silat setempat.

“Kami mempunyai 43 perguruan yang berdaftar tetapi sekitar 30 saja yang aktif. Jika setiap perguruan sanggup membantu projek Persisi, maka usaha badan induk ini untuk mengumpulkan wang yang diminta oleh Majlis Sukan Singapura (SSC) akan tercapai,” ujar Sheik lagi.

Persembahan silat itu akan

^ Scroll to Top

**bermula 11.40 pagi pada Sabtu  
dan berakhir pada 7 malam ha-  
ri berikutnya.**